

Jepun setuju beri pinjaman biayai projek di Malaysia

UM 13 DEC 2002

TOKYO 12 Dis. — Jepun telah bersetuju untuk memberikan pinjaman mudah bagi membiayai pelaksanaan beberapa projek infrastruktur di Malaysia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, antara lain, pinjaman mudah itu akan digunakan untuk membiayai projek pembekalan air dari Pahang ke Selangor.

"Jumlah pinjaman itu akan ditentukan melalui perbincangan yang akan dijalankan di peringkat perantara gawai kemudian," katanya.

Perdana Menteri yang sedang melakukan lawatan kerja selama dua hari ber-kata demikian pada sidang media selepas mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya, Junichiro Koizumi di sini hari ini.

Pada pertemuan itu, Dr. Mahathir memberitahu, Jepun juga menyatakan persetujuan untuk meneruskan rancangan membina Universiti Teknikalnya di Malaysia.

Katanya, universiti itu akan memulakan operasinya dalam masa terdekat dan akan meng-

ambil pelajar dari negara-negara Asia Tenggara dan negara sedang membangun.

Ditanya mengenai pertemuan beliau dengan Maharaja Akihito hari ini, Perdana Menteri berkata, beliau telah mengambil kesempatan itu untuk mengundang keluarga Diraja tersebut mengadakan lawatan ke Malaysia.

Katanya, Maharaja Akihito pernah melawat dan mempunyai banyak pengetahuan mengenai Malaysia.

Selain itu, katanya Yang di-Pertuan Agong dijangka

mengadakan lawatan ke Jepun pada 2004.

Esok Perdana Menteri dijadual mengadakan lawatan ke Tokyo Disney Sea sebelum mengadakan pertemuan dengan Menteri Kewangan, Masajuro Shiokawa.

Beliau juga akan menyampaikan ucapan pada simposium yang bertajuk 'Islam: Memupuk Keamanan' di Universiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di sini esok sebelum mengakhiri lawatannya. — *Utusan*